

Khamis, 21 Februari 2019 - 11:05AM



BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU BHPLUS

BISNES » Korporat

Rabu, 20 Februari 2019 | 9:56pm



MSM raih untung sebelum cukai RM60.71 juta

Oleh Azzman Abdul Jamal
azzman@bh.com.my

f Share

t Tweet

8+ Share

KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) mencatatkan keuntungan sebelum cukai (PBT) RM60.71 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 (FY2018), naik 400 peratus daripada kerugian sebelum cukai RM19.57 juta yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Dalam satu kenyataan hari ini, MSM berkata, keuntungan bersih tahun-ke-tahun meningkat kepada RM35.62 juta, naik 197 peratus berbanding kerugian yang dicatat pada 2017 berikutan kos gula mentah yang lebih rendah serta pengukuhkan ringgit sebanyak tujuh peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) yang diterjemah kepada harga jualan purata (ASP) lebih rendah.

Katanya, Pendapatan sepanjang tahun lalu susut 16 peratus kepada RM2,215 bilion disebabkan penyusutan tujuh peratus jumlah jualan untuk segmen borong, penurunan 17 peratus untuk ASP industri berikutan pengeluaran permit yang diluluskan (AP) dan 21 peratus penyusutan jualan eksport akibat persaingan yang lebih tinggi.

“Bagi suku keempat 2018, MSM merekodkan PBT sebanyak RM500,000 berbanding RM23.3 juta pada tempoh sama sebelumnya berikutan kos kewangan yang lebih tinggi dalam perkhidmatan pinjaman dan peruntukan pentadbiran untuk MSM Johor.

“Untuk 2018, pendapatan sesaham (EPS) mengukuh kepada 5.08 sen berbanding kerugian sesaham 5.17 sen dan nilai aset bersih sesaham meningkat kepada RM2.79 berbanding RM2.74 pada tahun sebelumnya,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif MSM, Datuk Khairil Anuar Aziz, berkata melangkah ke hadapan, MSM akan terus memperkuatkannya perniagaan menerusi strategi yang lebih disiplin, kos pengurusan berhemat, dan meningkatkan produktiviti dan kecekapan kumpulan.

“MSM bakal berdepan cabaran baharu pada 2019 berikutan pelaksanaan cukai soda sebanyak RM0.40 seliter bagi minuman bergula bermula 1 April depan,

“Walaupun ia masih terlalu awal untuk sebarang kesimpulan, ia sememangnya memberi kesan kepada MSM. Bagaimanapun, syarikat kekal optimis terhadap prestasi perniagaan gula,” katanya.

AGENCY: Berita Harian

LINK: <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2019/02/533146/msm-raih-untung-sebelum-cukai-rm6071-juta>